

Dr .M: Melayu harus berani hapuskan sesuatu yang buruk

U.M. 1 AUG 1989

KUALA LUMPUR 15 Ogos -- Perdana Menteri berkata orang-orang Melayu harus berani menghapuskan sesuatu yang buruk dalam tamadunya walaupun ia adalah sebahagian daripada identiti mereka.

Katanya, unsur tersebut yang tentunya menjadi penghalang kepada kejayaan orang-orang Melayu perlu dikikis dan masyarakat Melayu memerlukan kejujuran intelektual untuk menghadapinya.

"Janganlah menidakkan keburukan sesuatu unsur tamadun kita hanya kerana ia mencerminkan keperibadian tamadun kita. Jika sesuatu unsur itu buruk, kita mestilah berani mengatakan ia buruk," katanya.

Beliau berkata, tidak ada sesuatu yang lebih buruk daripada mengekalkan yang buruk semata-mata kerana sentimen dan kebongkakan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan demikian ketika menyampaikan ucapan perdananya merasmikan *Persidangan Tamadun Melayu Ke-2* anjuran Kementerian Kebudayaan dan

Pelancongan di ibu kota hari ini. Seramai 300 orang dari 25 negara menyertai seminar enam hari itu untuk membincangkan 92 judul kertas kerja.

Katanya, jika orang-orang Melayu berpendapat bahawa tamadun mereka tidak segemilang seperti zaman silam, ia disebabkan kerana adanya nilai-nilai buruk yang diwarisi.

"Cabaran yang kita hadapi ialah apakah oleh kerana kita ingin mencapai kegemilangan seperti zaman silam, maka kita berani menukar nilai-nilai yang menjadi sebahagian daripada tamadun kita yang jelas menghalang kejayaan kita," katanya

Menurutnya, kumpulan • kumpulan etnik Melayu di Semenanjung dan kepulauan Asia Tenggara, Lautan Hindi dan Lautan Pasifik merupakan kelompok yang bertamadun tinggi jika dilihat dari sudut pencapaiannya yang baik dalam keilmuan, falsafah serta susunan dan keteguhan masyarakatnya.

Katanya, walaupun tidak semua kumpulan tersebut mempunyai tahap tamadun yang sama tingginya, tetapi nyata sekali ada kumpulan-kumpulan yang tamadunya boleh menandingi tamadun Asia Tengah dan Lautan Mediteranean.

Ucapan penuh di muka 6.